



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 12 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA  
MADANI

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	ALAMAK RAYA DAH TIBA!	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=SH305liapN8">https://www.youtube.com/watch?v=SH305liapN8</a>	YOUTUBE



TAJUK : YCK LINDUNGI HAK KANAK-KANAK, REMAJA BERISIKO

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 APR 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## YCK lindungi hak kanak-kanak, remaja berisiko

**Kuala Lumpur:** Setiap kanak-kanak dan remaja mempunyai potensi diri masing-masing untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan masa depan cerah biarpun berbeza latar belakang serta status kehidupan.

Penolong Pengurus merangkap Pegawai Kanan Kerja Sosial Yayasan Chow Kit (YCK) Shahira Kasim berkata, bukan saja bantuan termasuk pendidikan dan keperluan lain, sokongan kepada individu berkenaan juga penting untuk menaikkan semangat mereka mencari kehidupan lebih baik.

Menurutnya, pihaknya membantu kanak-kanak dan remaja berusia antara 7 hingga 18 tahun

daripada latar belakang sosial keluarga berpendapatan rendah atau miskin bandar termasuk ada yang tiada MyKad.

“Misi kami ialah melindungi hak semua kanak-kanak dan remaja berisiko, menyediakan ruang yang selamat serta memberikan sebanyak mungkin pilihan positif dan holistik kepada mereka untuk mencapai potensi mereka.

“Kami menyediakan pusat aktiviti yang menjadi ‘safe space’ untuk mereka di kawasan berisiko tinggi iaitu di Jalan Chow Kit untuk

kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun dan satu lagi di Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk remaja berusia 13 hingga 18 tahun,” katanya.

Katanya, pihaknya percaya dengan menyediakan program bersesuaian dengan keperluan golongan itu, ia memberi peluang kepada kanak-kanak dan remaja mencungkil bakat dan dengan sokongan lain, kebajikan mereka ini lebih terjaga.

“Ini kerana ketidaksamaan peluang mungkin berlaku kerana

majoriti kanak-kanak dan remaja ini daripada latar belakang sosial keluarga berpendapatan rendah atau miskin bandar namun mempunyai tempat tinggal dan kebanyakan menyewa di bilik kecil bersama keluarga.

“Kami percaya setiap kanak-kanak serta remaja mempunyai potensi diri masing-masing dan itu yang perlu dicungkil dan dibantu.

“Contohnya kami bantu Sidque yang keluarga angkatnya kurang kemampuan melalui pelbagai bantuan mengikut keperluan termasuk pendidikan dan urusan mendapatkan MyKad bagi memastikan dapat kehidupan baik,” katanya.

“  
Kami menyediakan pusat aktiviti yang menjadi ‘safe space’  
Shahira